

26/09/1997

Penganjur diminta teruskan tradisi

LANGKAH penganjur menjadikan Pertandingan Bahas Piala Perdana Menteri 1997 kategori bahasa Inggeris sebagai acara kemuncak dianggap tidak bertepatan dengan usaha kerajaan memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.

Pembahas Terbaik kategori bahasa Melayu, Mohd Zainal Badri Musafar, berkata penganjur mesti meneruskan tradisi sejak 23 tahun lalu dengan memberi keutamaan bahas kategori bahasa Melayu dipertandingkan pada malam kemuncak yang lazimnya turut disaksikan Menteri Pendidikan.

Mohd Zainal, pelajar tingkatan lima Sekolah Menengah Sultan Abdul Halim (SMSAH), Jitra, berkata, dalam usaha membentuk jati diri bangsa Malaysia, keputusan itu boleh dianggap sebagai melangkah ke belakang.

Pertandingan Bahas Piala Perdana Menteri dimulakan pada tahun 1974 di Kolej Melayu Kuala Kangsar (KMKK) untuk memenuhi hasrat Perdana Menteri ketika itu, Tun Abdul Razak Hussein melihat lahirnya bakat pemimpin dinamik dan cerdas dari sekolah berasrama penuh.

Kategori bahasa Inggeris pula diperkenal pada 1990 atas hasrat Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang inginkan bahasa Inggeris diberi perhatian serius sebagai bahasa ilmiah dan bahasa perhubungan antarabangsa.

Seorang guru yang tidak mahu namanya disiarkan turut berasa terkilan dengan langkah penganjur yang menukar pertandingan kemuncak kepada kategori bahasa Inggeris.

Beliau yang datang untuk menyaksikan pasukan sekolahnya bertanding di pertandingan akhir berkata adalah lebih tepat jika tradisi sebelum ini diteruskan bersesuaian dengan usaha kerajaan dan rakyat untuk mengagungkan bahasa Melayu.

"Tidak ada cacatnya jika bahas kategori bahasa Melayu dijadikan pertandingan kemuncak, sebaliknya kita akan berasa bangga kerana membuktikan keperihatinan terhadap bahasa Melayu," katanya selepas pertandingan akhir kategori bahas bahasa Inggeris di Pusat Islam, malam semalam.

Sekolah Tun Fatimah, Johor Bahru dengan pembahas Ida Harniza Johar, Nuridah Sabtu dan Budi Aslinie Md Sabri menjuarai Bahagian Bahasa Inggeris setelah menewaskan pembahas KMKK., Ida Harniza turut meraih Pembahas Terbaik.

Dalam pertandingan akhir kategori bahasa Melayu yang berlangsung dua hari sebelum malam kemuncak, Sekolah Menengah Sains Teluk Intan menewaskan SMSAH untuk muncul johan melalui pembahas Muhamad Ikram Kamarudin, Dewi Mayang Sari Kamarozaman dan Yusaini Yop.

(END)